



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

**JMG 512 – ANALISIS BANDAR DAN WILAYAH**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan daripada ENAM (6) soalan yang diberikan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Sertakan ilustrasi atau rajah di dalam jawapan anda bagi soalan yang berkaitan.

Setiap soalan diperuntukan 25 markah.

1. Analisiskan peranan dan pengaruh pengangkutan sebagai elemen asas dalam perancangan dan pembangunan sesebuah bandar dan wilayah.  
(25 markah)
  
2. “Konsep dayahuni bandar bertujuan meneroka tahap perimbangan antara kedinamikan ekonomi, keceriaan masyarakat dan kekentalan persekitaran bagi mendapatkan satu kualiti hidup”. Bincangkan pernyataan ini.  
(25 markah)
  
3. Dengan menggunakan contoh Wilayah Koridor Ekonomi yang sesuai, bincangkan keberkesanan strategi-strategi pembangunan wilayah bagi mengurangkan jurang ketidakseimbangan dari segi pertumbuhan ekonomi wilayah berkenaan.  
(25 markah)
  
4. (a) Mengapakah tugas perancangan bergantung sepenuhnya kepada gabungan dan analisis maklumat geografi?  
(10 markah)  
  
(b) Jelaskan TIGA (3) daripada tugas-tugas perancangan bandar dan wilayah yang mengaplikasikan Sistem Maklumat Geografi dalam proses perancangan semasa di Malaysia.  
(15 markah)
  
5. Bincangkan peranan piawai perancangan dalam pembangunan bandar dengan merujuk kepada dua contoh yang bersesuaian.  
(25 markah)
  
6. Sejauh manakah konsep pembangunan wilayah berdasarkan Teori Agropolitan dapat diaplikasikan pada masa kini?  
(25 markah)